

SURAT PEKELILING ICT NO. 1/2011

DARIPADA: Setiausaha Kerajaan Negeri

KEPADA: Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Residen dan Pegawai Daerah
Semua Pihak Berkuasa Tempatan
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri

PERKARA: DASAR KESELAMATAN ICT NEGERI SARAWAK

RUJ. KAMI: JKM/ICTU/100-15.02 KLT.1(2)

TARIKH: 16 Mac 2011

1. TUJUAN

- 1.1 Dasar Keselamatan ICT Kerajaan Negeri diwujudkan untuk menjamin kesinambungan urusan dengan meminimumkan kesan insiden keselamatan ICT. Dasar ini juga bertujuan untuk memudahkan perkongsian maklumat sesuai dengan keperluan operasi Kerajaan Negeri Sarawak . Ini hanya boleh dicapai dengan memastikan semua aset ICT dilindungi.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Menyedari pentingnya usaha-usaha menjamin keselamatan ICT, Kerajaan Negeri Sarawak telah mengambil inisiatif untuk menghasilkan Dasar Keselamatan ICT yang menitikberatkan ciri-ciri keselamatan yang meliputi domain Keselamatan ICT yang berbeza secara menyeluruh. Polisi Keselamatan ICT telah digubal berpandukan kepada prinsip-prinsip keselamatan ICT yang kukuh, tanggungjawab terhadap keselamatan maklumat dan kesedaran terhadap ancaman serta langkah-langkah peningkatan tahap keselamatan ICT.

3. OBJEKTIF

- 3.1 Objektif utama Dasar Keselamatan ICT Kerajaan Negeri ini ialah seperti berikut:
- (a) Memastikan kelancaran operasi Kerajaan dan meminimumkan kerosakan atau kemusnahan;
 - (b) Melindungi kepentingan pihak-pihak yang bergantung kepada sistem maklumat dari kesan kegagalan atau kelemahan dari segi kerahsiaan, integriti, kebolehsediaan, kesahihan maklumat dan komunikasi; dan
 - (c) Mencegah salah guna atau kecurian aset ICT Kerajaan.

4. PENGGUNAAN POLISI

- 4.1 Selaras dengan usaha global ke arah "green IT", dokumen Dasar Keselamatan ICT Kerajaan Negeri akan disebarikan secara dalam talian (*online*) di SarawakNet www.sarawaknet.gov.my melalui icon "State ICT Security Portal". Ianya juga boleh dicapai melalui Laman Web Unit ICT www.ictu.sarawak.gov.my.
- 4.2 Semua agensi Kerajaan Negeri harus mengguna pakai polisi ini. Semua Ketua Agensi mesti memastikan semua penjawat di agensi masing-masing membaca dan memahami dasar ini.
- 4.3 Unit ICT, Jabatan Ketua Menteri akan menggunakan konsep "train the trainer" dengan mengadakan sesi taklimat kesedaran kepada Ketua Agensi, Pegawai Maklumat ICT (CIO), Pegawai Keselamatan ICT (ICTSO) dan Penolong CIO. Seterusnya, CIO, ICTSO dan ACIO agensi perlu menyebarkan dasar keselamatan ICT ini kepada semua penjawat di agensi masing-masing.
- 4.4 Pematuhan Audit (*Compliance Audit*) akan dilaksanakan di agensi-agensi yang terpilih untuk memastikan polisi ini digunapakai dan dipatuhi dari semasa ke semasa.

4.5 Sebarang pertanyaan berkaitan dengan Surat Pekeliling ini serta maklum balas mengenai Dasar Keselamatan ICT Kerajaan Negeri ini boleh dikemukakan kepada pegawai-pegawai berikut di Unit ICT, Jabatan Ketua Menteri:

- a. Pn. Grace Huong, email: grace@sarawaknet.gov.my atau tel.: 082-319449
- b. Pn. Audrey Jee, email: jepp@sarawaknet.gov.my atau tel.: 082-319451

5. TARIKH KUATKUASA

5.1 Surat Pekeliling ini berkuatkuasa tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, harap maklum.

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"
"AN HONOUR TO SERVE"



(DATUK AMAR HAJI MOHAMAD MORSHIDI HAJI ABDUL GHANI)
Setiausaha Kerajaan Negeri
Sarawak